

UPM anjur Karnival Pengajian Tinggi Negara 2014

KUALA LUMPUR 5 April - Semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dijemput hadir ke Karnival Pengajian Tinggi Negara 2014 anjuran Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang selama dua hari bermula hari ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin berkata, golongan itu dinasihatkan datang ke karnival berkenaan kerana kebanyakan daripada mereka masih belum membuat keputusan mengenai program pengajian yang ingin diikuti.

"Selain mengetahui syarat-syarat kemasukan, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak universiti mengenai program yang diminati dan sesuai dengan keputusan SPM.

"Pelajar tingkatan empat dan



ORANG ramai terutama pelajar-pelajar mengunjungi Karnival Pengajian Tinggi Negara Ke-10 di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam.

lima juga disarankan hadir bagi mendapatkan pendedahan awal mengenai program pengajian yang

ditawarkan oleh pihak universiti," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Nasir, ibu bapa dan guru kaunselor turut digalakkan hadir supaya mereka dapat me-

ngetahui maklumat yang tepat untuk disampaikan kepada anak-anak atau pelajar mereka dalam menentukan masa hadapan.

Sementara itu, Ketua Pentadbiran (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Rosdi Wah berkata, kelab dan persatuan pelajar universiti itu turut membuat pameran di dalam karnival berkenaan.

"Melalui pameran tersebut, pengunjung berpeluang mendapat gambaran awal corak kehidupan mahasiswa universiti yang bukan sahaja menuntut ilmu bahkan menyertai kelab dan persatuan bagi mencungkil bakat kepimpinan dan kemahir-
an insaniah.

"Sebagai tanda sokongan, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan dijangka hadir ke karnival ini pada petang esok," katanya.